

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: 02 Mac 2017 13:00
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ILMU BARU PELAJAR UUM CAS



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

02 MAC 2017 / 03 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

BIDANG PERTANIAN : ILMU BARU BUAT PELAJAR UUM CAS



PPA UUM CAS ONLINE: Selaras dengan tagline UUM iaitu 'The University in a Green Forest', seramai 25 orang pelajar daripada 13 kelab dan persatuan di bawah UUM CAS telah menyahut seruan dengan menyertai lawatan ke Kolej Pertanian Malaysia (KPM), Bukit Tinggi. Lawatan ini yang telah dianjurkan oleh Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni (PPA) UUM CAS pada 28 Februari 2017 yang lalu merupakan sebahagian daripada program 'Tree for the Future' yang bermatlamatkan untuk memupuk sifat sayangkan tumbuhan dan semangat untuk mengekalkan kehijauan bumi.

Di dalam lawatan tersebut, para pelajar berpeluang untuk mempelajari selok belok bidang pertanian yang luas seperti bidang tanaman, akuakultur air tawar, ternakan ruminan, dan pemprosesan makanan. Semasa lawatan, para pelajar dapat menyaksikan demonstrasi menanam pokok dengan kaedah yang betul dan ia merupakan pendedahan baru buat pelajar yang sebelum ini tiada pengetahuan tentang kaedah penanaman pokok yang baik. Seterusnya para pelajar dibawa ke pusat akuakultur yang menternak dua jenis ikan air tawar iaitu ikan talapia merah dan ikan keli Afrika. Pelajar diberi pendedahan tentang proses penternakan dari pembenihan hinggalah ikan tersebut dijual pada tahap yang matang. Selepas itu, pelajar dibawa melihat ladang penternakan ruminan iaitu kambing dan lembu. Di akhir lawatan, para pelajar telah diberikan penerangan oleh Penolong Pendaftar KPM tentang latar belakang KPM serta kepentingan bidang pertanian kepada negara.

Menurut Mohamad Fazuan bin Mohd Wafat, pelajar semester 4 dari program Teknologi Maklumat, beliau dapat mengenali bidang pertanian dengan lebih mendalam serta percaya bidang ini mampu memartabatkan nama negara di mata dunia selaras dengan slogan pertanian adalah perniagaan. Di samping itu, Nur Hazwani Shari, pelajar semester 4 dari program Teknologi Media berasa beruntung dapat menyertai lawatan ini kerana dapat mengetahui ilmu baru berkaitan perladangan dan bercita-cita untuk membuka bisnes sendiri apabila tamat pengajian kelak serta mengharapakan program ini harus berterusan. Akhirnya, diharapkan lawatan ini dapat mengubah persepsi pelajar terhadap bidang pertanian sebagai bidang yang menguntungkan.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti

Utara Malaysia (UUM) immediately delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.